

**LABUAN:** Program 'Sunset Gathering Alumni Chapter Labuan' 2023 berjaya menghimpunkan kira-kira 180 orang yang terdiri daripada alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Mereka merupakan alumni yang pernah melanjutkan pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (PKI) serta alumni UMS di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis yang diadakan di Pine Garden, Tunas Hijau Recreation Village Labuan pada Ahad lalu itu dimeraiahkan dengan kehadiran Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr. Kasim Haji Mansor.

Turut hadir Ahli-ahli Senat dan Pengarah UMS Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid yang juga bekas pelajar ambilan pertama pada tahun 1999.

Program itu dianjurkan Pusat Alumni UMS dengan

# Alumni UMS jayakan Program 'Sunset Gathering Alumni Chapter Labuan' 2023

UB 25.10.2023 P.06



**MESRA:** Dr. Kasim (berdiri kanan) dan Dr. Mohamad (berdiri kiri) beramah mesra dengan alumni UMSKL.



**PELUANG:** Dr Arif (kanan) bersama tetamu dan alumni yang hadir.



**GEMBIRA:** Alumni UMSKL gembira menerima hamper daripada Dr. Kasim sambil diperhatikan Dr Arif (kanan).



**KENANGAN:** Dr Kasim (lima kiri), Dr. Mohamad (empat kiri) dan Dr Arif (kanan) bersama tetamu yang hadir.

"Adalah diharapkan agar semua Alumni dapat menyumbang bakti kepada universiti dan menjadikan platform alma mater sebagai satu median perkongsian kepada bakal alumni.

"Setiap kemahiran, pengalaman dan perkongsian ilmu

alumni selepas bergraduan dapat dikongsi bersama dengan para pelajar khasnya dan juga komuniti kampus amnya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Alumni UMS, Dr Arif @ Kamisan Pusiran berkata pihaknya bercadang mewujudkan Kelab Alumni UMS di Kota Kinabalu sebagai hab sehenti alumni.

"Pusat Alumni UMS juga mengadakan kolaboratif bersama dengan 25 syarikat milik alumni dan swasta untuk potongan diskuan bagi alumnii dan kakitangan UMS," katanya.



**JUMPA:** Alumni UMSKL gembira dapat berjumpa dengan rakan-rakan lama.



**HADIR:** Sebahagian alumni UMSKL yang hadir.



**PERTAMA:** Dr. Mohamad (tengah), Dekan FKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey TanakinJal (kanan) bersama alumni UMSKL yang pertama.

kerjasama pengurusan UMSKL dan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL)

Program berlangsung dengan santai berjaya menceriaikan alumni-alumna yang hadir dengan pelbagai aktiviti antaranya cabutan bertuah, karoake, busking serta sesi perkongsian pengalaman oleh para alumni.

Dalam ucapanannya, Datuk Dr. Kasim berharap agar program ini mampu menjelaskan dan membinakan hubungan baik dengan alumni bermula di zon Labuan ini yang jumlah keseluruhannya kini telah mencapai 889 orang.

Beliau juga amat berharap Alumni UMS yang hadir pada majlis itu agar tidak melupakan universiti yang tercinta dan seterusnya menyumbang kepada bakal alumni yang ada.